**TERMA RUJUKAN**
***EXIT CONFERENCE* UNIT AUDIT DALAM**
**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

## 1.0 LATAR BELAKANG

1.1 *Exit Conference* diadakan selepas Ketua Audit Dalam (KAD) membentangkan Nota Perbincangan dalam *Pre-Exit Conference.*

1.2 KAD akan membentangkan draf laporan yang mengandungi penemuan dan maklumbalas yang telah diberikan oleh auditi.

1.3 Pada sesi ini, akan berlaku pengguguran penemuan-penemuan audit yang telah selesai diambil tindakan oleh pihak auditi. Mungkin juga berlaku pertambahan penemuan bergantung kepada maklumbalas yang diterima atau penemuan-penemuan baharu semasa *Exit Conference*.

1.4 *Exit Conference* akan meneliti penemuan dan maklumbalas sebelum dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit, Risiko, Integriti dan Strategik (JARIS).

## 2.0 FUNGSI *EXIT CONFERENCE*

*Exit Conference* berkuasa untuk :

(a) Menerima atau menolak maklumbalas yang diberikan oleh auditi;

(b) Memohon auditi mengemukakan bukti-bukti yang dinyatakan dalam maklumbalas yang diberikan;

(c) Memohon tambahan maklumat, dokumen dan tindakan yang perlu dilaksanakan oleh pihak auditi;

(d) Memberikan tempoh masa kepada auditi untuk mengambil tindakan bagi maklumbalas yang diberikan;

(e) Mengesyorkan Surat Peringatan dikeluarkan bagi kecuaian, kesilapan dan ketidakakuran yang dilakukan oleh pihak auditi.

## 3.0 PENETAPAN *EXIT CONFERENCE*

3.1 KAD akan menentukan tarikh, tempat dan agenda *Exit Conference* dan mesyuarat itu akan dipanggil oleh Setiausaha *Exit Conference*. *Exit Conference* boleh dilaksanakan secara dalam talian atas persetujuan daripada Pengerusi.

3.2 *Exit Conference* dilaksanakan terhadap kesemua auditan yang dilaksanakan. Pengecualian *Exit Conference* akan dimaklumkan kepada Pengerusi.

3.3 Pengerusi boleh mengundang mana-mana orang dari dalam Universiti yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian untuk menghadiri *Exit Conference* bagi maksud memberikan penasihatan dan pandangan tentang apa-apa perkara yang berkaitan.

## 4.0 KOMPOSISI *EXIT CONFERENCE*

4.1 Pengerusi *Exit Conference*

YBhg. Prof. Dato' Dr. Naib Canselor merupakan Pengerusi bagi *Exit Conference.* Pengerusi boleh melantik ahli *Exit Conference* sebagai Pengerusi Gantian bagi mesyuarat itu sahaja.

4.2 Ahli *Exit Conference*

Ahli Exit Conference hendaklah terdiri daripada berikut:
(a) Pendaftar
(b) Bendahari
(c) Penasihat Undang-Undang
(d) Pengarah Kampus Besut
(e) Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda
(f) Kakitangan Akademik (berdasarkan bidang kepakaran)

Ketidakhadiran ahli perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Pengerusi bagi tujuan perekodan.

4.3 Setiausaha

Ketua Audit Dalam.

4.4 Jemputan

Pusat Tanggungjawab yang diaudit perlu dihadiri oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (KPTj). Ketidakhadiran KPTj perlu dimaklumkan terlebih dahulu kepada Pengerusi.

KPTj boleh membawa pegawai-pegawai yang berkaitan bagi kelancaran *Exit Conference.*

## 5.0 KUORUM

Kuorum *Exit Conference* adalah tiga (3) orang termasuk Pengerusi.

## 6.0 PENGELOLAAN *EXIT CONFERENCE*

6.1 Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan *Exit Conference.*

6.2 Jika terdapat keperluan, Pengerusi *Exit Conference* boleh memohon mana-mana ahli/jemputan untuk tidak terlibat semasa perbincangan tersebut dan membuat catatan dalam minit *Exit Conference* tersebut, bentuk konflik yang wujud antara staf tersebut dan nombor agenda yang mewujudkan konflik. Ahli/jemputan tersebut boleh dijemput semula ke bilik *Exit Conference* bagi agenda seterusnya.

## 7.0 NOTIS MESYUARAT

Tempoh Notis wajar untuk memanggil *Exit Conference* ialah sekurang-kurangnya lima (5) hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dikehendaki oleh Setiausaha.

## 8.0 MINIT MESYUARAT

8.1 Minit setiap *Exit Conference* akan disediakan bagi setiap *Exit Conference* yang dilaksanakan.

8.2 Minit *Exit Conference* hendaklah diedarkan kepada ahli *Exit Conference* dalam masa yang ditetapkan oleh Pengerusi.

8.3 Minit *Exit Conference* akan disahkan oleh Pengerusi secara edaran dengan mengambil kira pindaan yang telah dinyatakan oleh ahli lain.

## 9.0 KAJIAN SEMULA TERMA RUJUKAN *EXIT CONFERENCE* UNIT AUDIT DALAM

Sekiranya Pengerusi dan ahli berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Pengerusi dan ahli hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Setiausaha untuk dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) bagi kelulusan.

## 10.0 PENUTUP

Terma Rujukan *Exit Conference* ini juga adalah tertakluk kepada sebarang pindaan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dari semasa ke semasa.